

PENGARUH PERANAN JURULATIH TERHADAP PRESTASI KERJA IMAM

MOHD NA'IM BIN HAJI AHMAD

mohdnaim.almansuri@gmail.com

ZAHIMI ZAINAL ABIDI

Zippy_hj@yahoo.com

DAUD MOHAMED SALLEH

daud@upnm.edu.my

RIDWAN HASHIM

ridwanhhashim@gmail.com

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran di Malaysia adalah seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam. Sejarah mencatatkan bahawa Islam mula bertapak di Tanah Melayu pada tahun 903 Masehi di Kedah, 1181 Masehi di Kelantan, 1302 Masehi di Terengganu dan 1414 Masehi di Melaka. Kaedah pengajaran al-Quran secara hafalan diteruskan lagi pada zaman sahabat untuk menjamin agar al-Quran berkekalan. Al-Quran yang dipelajari oleh para sahabat telah berjaya melahirkan ramai para huffaz. Masjid dan para imam termasuk imam lantikan Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia (KAGAT) turut memainkan banyak peranan dalam masyarakat Islam iaitu sebagai nadi penggerak dakwah Islamiah, pusat aduan rumahtangga, pusat pendidikan dan sebagainya. Penilaian tahap prestasi imam KAGAT mampu membantu organisasi mempertingkatkan kemahiran terhadap imam yang dilatih di Institut Latihan dan Kefahaman Islam ATM (ILMI) melalui Program *Tahsin al-Quran* (PTA). Objektif kajian ini adalah untuk mengukur peranan jurulatih dalam PTA terhadap peningkatan prestasi kerja para imam KAGAT sekembalinya mereka ke pasukan perkhidmatan. Borang soal selidik telah diedarkan kepada sejumlah 280 orang responden yang terdiri daripada anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) KAGAT yang pernah mengikuti PTA di ILMI sebagai tempat menimba ilmu. Data yang diperolehi kemudiannya dianalisis menggunakan pakej perisian *SmartPLS 3.2.5*. Ujian *bootstrapping* menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara peranan jurulatih dengan prestasi kerja imam namun pada tahap yang teguh melalui nilai R^2 .

Kata kunci: Program *Tahsin al-Quran*, Peranan Jurulatih, Prestasi Kerja, ILMI

ABSTRACT

The teaching and learning of the Quran in Malaysia is in line with the advent and development of Islam. History records that Islam began to gain a foothold in Malaya in the year 903 AD in Kedah, Kelantan in 1181 AD, 1302 AD and 1414 AD in Terengganu, Melaka. The method of teaching the Quran by memorization was continued again during the time of the Companions to ensure that the Qur'an lasts. The Qur'an studied by the companions has

succeeded in producing many huffaz. Mosques and imams including imams appointed by the Religious Corps of the Malaysian Armed Forces (KAGAT) also play many roles in the Muslim community, namely as the driving force of Islamic da'wah, household complaints center, education center and so on. Assessing the level of performance of imam KAGAT is able to help the organization improve the skills of imams trained in the Institute of Islamic Training and Understanding ATM (ILMI) through the *Tahsin al-Quran* Programe (PTA). The objective of this study is to measure the role of trainers in the PTA on improving the work performance of KAGAT priests upon their return to the service team. Questionnaires were distributed to a total of 280 respondents consisting of members of Other Ranks (LLP) KAGAT who had attended the PTA at ILMI as a place to gain knowledge. The data obtained were then analyzed using the *SmartPLS* 3.2.5 software package. The bootstrapping test showed that there was a significant relationship between the role of the coach and the work performance of the priest but at a moderate level through the value of R2.

Keywords: *Tahsin al-Quran* Programe, Role of Coach, Job Performance, ILMI

1. Pengenalan

Pada abad ke-21, persaingan antara organisasi menjadi semakin penting. Ia adalah kerana program latihan yang dianggap sebagai kekuatan kecemerlangan kepada satu organisasi tetap berkualiti dalam menghadapi persaingan pasaran secara keseluruhan dan diterima sebagai usaha untuk organisasi. Chen *et al.* (2020), menyatakan bahawa hanya 10% perbelanjaan untuk latihan yang positif untuk latihan berpindah dari satu tempat ke tempat lain. Dalam keadaan sekeliling yang cepat berubah, jelas bahawa seseorang individu mesti mempunyai keupayaan untuk berubah agar sesuai cabaran baru.

Program latihan adalah satu keperluan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Peruntukan kewangan untuk pembangunan kemahiran dan pengetahuan sentiasa dipertingkatkan. Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) juga tidak terkecuali. Sebagai sebuah kor yang diberi peranan memperkuatkan kerohanian anggota ATM sudah pasti anggota KAGAT perlu dilatih untuk mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan (Daud, 2017).

Peranan KAGAT bukan tertumpu kepada memperkuatkan kerohanian dan mental anggota ATM malah anggota KAGAT sendiri perlu diperkukuhkan pengetahuan, kemahiran dan syaksiah diri. Para imam yang terdiri dari anggota KAGAT juga tidak terkecuali. Mereka perlu dilatih bagi memantapkan pentadbiran dan bacaan al-Quran.

Pada masa kini, suasana persekitaran kerja cepat berubah manakala prestasi kerja adalah salah satu perkara penting yang mengukur hasil dan reputasi organisasi termasuk ATM dan KAGAT khususnya. Bagi meningkatkan prestasi kerja, para imam KAGAT perlu bersaing meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka secara konsisten untuk menjadi imam yang berpengetahuan dan terus berdaya saing. Latihan yang berkesan dan menepati kehendak keperluan ATM bergantung kepada kandungan modul yang baik, jurulatih yang berkualiti serta sokongan berterusan dari organisasi itu sendiri (Piched *et al.*, 2020)

Oleh demikian, organisasi yang berteraskan latihan dan pembangunan insan seperti Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI) amat perlu kepada

penyediaan pengurusan latihan dan pembelajaran yang berkualiti. Ia juga berkesan meningkatkan prestasi kerja anggota LLP KAGAT selepas mereka menamatkan latihan di ILMI.

Zafir *et al.* (2013), menyatakan bahawa modal insan adalah aset penting kepada industri termasuk pendidikan. Kelebihan sesebuah organisasi amat bergantung kepada keupayaan modal insan dalam meningkatkan prestasi kerja. Empat ciri penting yang sangat diperlukan oleh sesebuah insitutsi pendidikan bagi memperkukuhkan daya saing yang mampan iaitu sumber manusia yang berkesan, jarang ditemui, sukar dicitlak dan sukar ditukar ganti. Semua ciri ini ada pada modal insan. Sekiranya ILMI ingin berfungsi dengan berkesan dan mempunyai daya saing yang jitu maka aspek pembangunan modal ini ini perlu diberikan perhatian khususnya dalam melahirkan para imam yang berprestasi tinggi.

2. Objektif Kajian

Menurut Baharom dan Johdi (2009), sumber manusia adalah aset utama kepada sesuatu organisasi termasuk ATM. Ia perlu dibangunkan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran diri. Sumber manusia yang cekap dan berkemahiran akan melonjakkan prestasi sesebuah organisasi khususnya tentera yang terlibat sepenuhnya dalam bidang pertahanan dan keselamatan negara. Dalam hal ini KAGAT juga tidak terkecuali. Tambahan pula KAGAT juga mempunyai pusat latihan dan kecemerlangan agama yang dikenali sebagai ILMI di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut Rashidi dan Azmil (2015), ILMI adalah pusat latihan yang agak unik. Ia bukan sahaja sebagai markas bimbingan dan pengembangan pengetahuan Islam malah ia ada pusat pengembangan kerjaya dan kemahiran anggota KAGAT. Aktiviti latihan dan pendidikannya berteraskan kepada, *ta'lim, tadrib, ta'dib, tawjih* dan *irshad*.

Sebagai sebuah institusi pendidikan Islam dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), ILMI perlu memberi penekanan kepada peningkatan kualiti pengurusan latihan bagi meningkatkan prestasi kerja lepasannya untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik di pasukan perkhidmatan Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk;

- i) mengukur hubungan antara peranan jurulatih dengan prestasi kerja imam.
- ii) mengenalpasti sejauhmana pengaruh jurulatih terhadap prestasi kerja imam.

3. Persoalan Penyelidikan

Persoalan kajian akan menjadi panduan bagi keperluan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah peranan jurulatih penting dalam mengukur prestasi kerja imam?
- ii. Mengenalpasti sejauhmana pengaruh jurulatih terhadap prestasi kerja imam?

4. Kajian Literatur

4.1 Keberkesanan Program Tahsian al-Quran (PTA)

Menurut Zahimi (2017), keberkesanan program latihan adalah penilaian sesuatu tindakan yang telah dilaksanakan bagi mengetahui pencapaian objektif tindakan. Menurut Adnan *et al.* (2018) dan Kennedy *et al.* (2013) pula, organisasi yang berjaya pasti akan menitikberatkan keperluan latihan pekerja dan program pemantapan latihan bagi membantu pekerja dalam sebuah syarikat ke arah mencapai matlamat organisasi.

Menurut Daud (2017), program adalah perancangan yang akan memastikan sesuatu dasar yang bakal dilaksanakan untuk membina negara, memantapkan ekonomi atau pertahanan negara dan sebagainya. Dalam kamus *Mu'jam al-Wasit* telah menghuraikan pengertian program yang membawa maksud suatu kandungan yang mempunyai penulisan rancangan dan ia mampu memberi tindakbalas yang berkesan.

Manakala Adawiah *et al.* (2014) pula menyatakan bahawa Program *Tahsin al-Quran* (PTA) bertujuan untuk memperbaiki kesongsangan pembacaan pelajar supaya dapat diperbaiki bacaan. Walaupun masalah dalam membaca al-Quran itu tidak dialami oleh semua orang tetapi *tahsin* tetap dijalankan secara keseluruhan supaya bacaan yang kurang baik menjadi baik dan yang baik menjadi lebih baik lagi. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

“*Bacalah Al-Quran itu dengan tartil*” (Al-Quran, Surah Al-Muzammil, 73: 4)

Dalam kajian ini, pandangan anggota LLP KAGAT yang telah mengikuti Program *Tahsin al-Quran* (PTA) di ILMI akan diambil kira bagi menilai tahap prestasi kerja mereka di pasukan perkhidmatan.

4.2 Peranan Jurulatih

Menurut Norhana *et al.* (2016), jurulatih adalah individu yang penting dalam menentukan kejayaan sesuatu program latihan. Ia amat berkait rapat dengan kebolehan dan sikap jurulatih itu sendiri. Jurulatih yang baik dapat mengenalpasti haluan sesuatu program latihan dan mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan latihan yang dilaksanakan. Mereka melaksanakan tugas dengan menyampaikan maklumat dan pembelajaran. Mereka perlu menjadi penunjuk arah dan pemudah cara serta pakar dalam bidang berkaitan.

Menurut Ganesan (2015) pula, jurulatih ialah orang yang bertanggungjawab memberi latihan, bimbingan, penyampai ilmu pengetahuan sama ada secara berhadapan atau secara maya. Selain itu, jurulatih juga boleh bertindak sebagai pemberi motivasi, fasilitator kepada penuntut.

Habibah dan Zaharah (2014), juga berpandangan bahawa jurulatih atau guru agama amat penting bagi membentuk spiritual pelajar. Fathiyah *et al.* (2013) serta Halim dan Khairul (2010)

6. Metodologi Kajian

6.1 Rekabentuk kajian

Kaedah keratan rentas telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini membolehkan pengkaji menggabungkan kajian literatur, dan kajian soal selidik sebagai prosedur utama pengumpulan data kajian. Kelebihan kaedah ini ialah berupaya membantu pengumpulan data secara tepat, mengelakkan wujudnya unsur berat sebelah, relevan dengan keperluan sesuatu kajian dan boleh dipercayai untuk mengukur persepsi responden terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian (Sekaran & Bougie, 2016; Creswell, 2012).

Matlamat kajian ini dijalankan adalah untuk mengukur prestasi kerja imam di masjid dan surau pasukan perkhidmatan dalam ATM setelah anggota LLP KAGAT tersebut menamatkan PTA di ILMI

6.2 Soal selidik

Pengumpulan data dibuat menggunakan borang soal selidik berdasarkan skala tujuh jawapan pilihan Likert. Borang soal selidik kajian ini merangkumi dua bahagian utama. Pertama, peranan jurulatih dengan menggunakan empat belas item yang diubahsuai daripada literatur kajian Abdul Latif dan Maimunah (1997) dan Paresh *et al.* (2019). Kedua, prestasi kerja imam telah diukur menggunakan enam belas item yang diubahsuai daripada literatur kajian Siti Marziah *et al.* (2017).

Teknik persampelan mudah telah digunakan untuk mengedarkan borang soal selidik kepada anggota LLP KAGAT yang pernah mengikuti PTA di ILMI. Sebanyak 280 orang responden telah memberikan kerjasama dengan mengembalikan borang soal selidik yang telah diisi dengan lengkap.

7. Dapatan Kajian

7.1 Analisis Pengesahan Faktor (Confirmatory Factor Analysis)

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian kesahan konvergen, diskriminan dan kebolehpercayaan item. Kesemua item di dalam konstruk-onstruk mempunyai pemberat faktor (*factor loadings*) melebihi 0.7 menunjukkan bahawa item-item tersebut telah mencapai tahap yang ditetapkan dalam pemberat faktor (Chin, 1998; Fornell & Larcker, 1981; Gefen & Straub, 2005; Henseler *et al.*, 2009). Selain itu, *Average Variance Extracted* (AVE) melebihi 0.5 (> 0.5) menunjukkan bahawa konstruk-onstruk kajian telah memenuhi kriteria kesahan konvergen (Barclay *et al.*, 1995; Fornell & Larcker, 1981; Henseler *et al.*, 2009). Bagi ujian kesahan diskriminan pula, nilai punca ganda dua AVE ($\sqrt{\text{AVE}}$) yang ditunjukkan secara diagonal adalah lebih besar daripada korelasi di antara konstruk lain yang ditunjukkan secara tidak diagonal. Ini menunjukkan bahawa hasil analisis ini telah mencapai kriteria ujian kesahan diskriminan yang

ditetapkan (Henseler *et al.*, 2009). Seterusnya, ujian kebolehpercayaan item diuji dengan melihat nilai kebolehpercayaan komposit dan nilai alpha Cronbachs. Nilai yang ditunjukkan adalah melebihi 0.8, menunjukkan bahawa skala pengukuran mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi. (Chua, 2006; Henseler *et al.*, 2009; Sekaran & Bougie, 2010). Oleh itu, tahap kesahan dan kebolehpercayaan model pengukuran ini adalah memenuhi kriteria analisis penerokaan faktor yang ditetapkan.


Jadual 2. Keputusan Ujian Kesahan Konvergen, Diskriminan dan Kebolehpercayaan Item

	Jumlah Item	Kebolehpercayaan Komposit	Alpha Cronbachs	AVE
Peranan Jurulatih	14	0.957	0.951	0.614
Prestasi Kerja Imam	16	0.957	0.952	0.583

Nota: $\sqrt{\text{AVE}}$ yang ditunjukkan secara diagonal

7.2 Keputusan Pengujian Hipotesis

Pengujian hipotesis dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *bootstrapping*. Bagi pengujian hipotesis kesan langsung, hasil pengujian menunjukkan peranan jurulatih mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja imam ($\beta=0.759$; $t>24.181$). Oleh itu, H1 diterima. Dari aspek kekuatan model, kemasukan peranan jurulatih ke dalam analisis telah menyumbang sebanyak 58 peratus terhadap prestasi kerja imam dan pencapaian ini dianggap sebagai teguh (Chin, 1998; Henseler *et al.*, 2009). Rajah 1.0 menjelaskan bahawa peranan jurulatih mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi kerja imam.



Nota: Signifikan pada $*t>1.96$; $**t>2.58$; $***t>3.29$

Rajah 1.0: Hasil Penemuan Ujian Hipotesis 1a

8. Perbincangan Dan Implikasi

Impak kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga aspek yang utama: impak kepada teori, pemantapan kaedah penyelidikan dan organisasi. Dari segi impak terhadap teori, adalah dijangkakan bahawa peranan jurulatih mempunyai pengaruh yang berkesan terhadap prestasi kerja imam. Penemuan kajian ini akan menyokong dan memantapkan literatur kajian berkenaan keberkesanan PTA sedia ada.

Daripada segi impak terhadap pemantapan kaedah penyelidikan, data yang diperolehi melalui literatur keberkesanan program dan pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik akan menambahkan dimensi kajian terutamanya dalam kajian berdasarkan pengurusan pengajian di institusi pendidikan agama yang kebanyakannya menggunakan kaedah kualitatif sahaja.

Impak terhadap organisasi pula, dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh pihak pengurusan untuk menambahbaik program latihan di ILMI dan boleh dikembangkan kepada institusi latihan yang lain.

9. Kesimpulan

Kajian ini akan dilaksanakan menggunakan kerangka konseptual yang dibina berasaskan kepada literatur keberkesanan program latihan di organisasi yang diubahsuai selaras dengan elemen pengurusan pengajian dan pendidikan di ILMI. Diharapkan dengan adanya kajian ini akan menambahbaik pengurusan dan pengajian latihan di masa hadapan.

Rujukan

- A.Azan, R., (2014). *Rasa bernilai sebagai pemboleh ubah penyederhana terhadap hubungan di antara kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan kontigen MALBATT Di Lubnan*. Doktor Falsafah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (Tidak Diterbitkan).
- Abdul Latif, A.K. & Maimunah, I., (1997). *Hubungan keberkesanan latihan dengan prestasi kerja*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 5(2): 73-82 (1997) ISSN: 0128-7702.
- S.Hayaati, al-Qudsy (2008). *Budaya kerja cemerlang menurut perspektif Islam: Amalan perkhidmatan awam Malaysia*. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 19, 2008
- Adawiah, A.R, Siti Zanah, B., Nurulhafizah, M., Siti Noorsinah, S., Siti Norhafilah, J. & Sa'diah, T. (2014). *Program tahsin antara inisiatif dalam meningkatkan kemahiran pembacaan al-Quran. Satu kajian keberkesanan di kalangan pelajar kupu SB dengan menggunakan kaedah رَجَّعْ . Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Syariah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (Tidak Diterbitkan)*
- Baharom, A.S., & Za'aba, H.K. (2008). *Peranan pendidikan Islam dan pendidikan moral dalam membina sahsiah pelajar berkualiti*. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia*, 22-23oktober 2008.

- Baharom, M. & M.Johdi, S., (2009). *Kepimpinan pendidikan dalam pembangunan modal insan*. Prosiding “Seminar Pembangunan Modal Insan 2009”, Tema: Kecemerlangan Modal Insan. Pada: 23 – 24 Mac 2009. Pusat Sumber Pendidikan Negeri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.
- Barclay, D., Higgins, C., & Thompson, R. (1995). *The Partial Least Squares (PLS) approach to causal modeling: personal computer adoption and use as an illustration*. *Technology Study*, 2 (2), 285-309.
- Bashir, A.F., Umar, A. & Yousuf, B. (2020). *Impact of service quality on customer loyalty and customer satisfaction in islamic banks in the Sultanate of Oman*.
- Chen, Taibao; Hao, Shuaikang; Ding, Kaifang; Feng, Xiaodong; Li, Gendao; Liang, Xiao. (2020). *The impact of organizational support on employee performance*. In: Employee Relations, Vol. 42, No. 1, 06.01.2020, p. 166-179 *Journal Employee Relations Volume 42 Issue number 1, 2020*
- Chin, W.W. (1998). *The Partial Least Squares approach to Structural Equation Modelling*, dalam Hoyle, R.H. (peny) *Statistical strategies for small sample research* (ms 307-341). California: Sage Publication, Inc.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Mcgraw Hill.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research: Planning, conduct, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th Ed.). Boston: Pearson.
- Daud, M.S. (2017). *Keberkesanan Program Pengajian Agama Islam terhadap motivasi pembelajaran, penghayatan amalan beragama dan komitmen organisasi*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). (Tidak Diterbitkan).
- Mehdi, B. (1974), *Work and Islam*, M. Yasefi, Ali A. Behzadnia dan Najpu Denny (terj.). USA: Free Islamic Literatures Inc., h. 32.
- Fornell, C., & Larcker, D.F. (1981). *Evaluating structural equation models with unobservable variables and measurement error*. *Journal Of Marketing Research*, 18, 39-50.
- Ganesan, S. (2015). *The need for in-service training for teachers and its effectiveness in school*. Vol 9 (2015): Jurnal Penyelidikan Dedikasi
- Gefen, D., & Straub, D. (2005). *A practical guide to factorial validity using PLS-Graph: Tutorial and annotated example*. *Communication Of The Association For Information Systems*, 16, 91–109.
- Henseler, J., Ringle, C.M., & Sinkovics, R.R. (2009). *The use of The Partial Least Squares path modeling in international marketing*. *New Challenges To International Marketing Advances In International Marketing*, 20, 277-319.
- M.Faisal, B., (2014). *Kepuasan pelajar terhadap kualiti perkhidmatan perbankan Islam di Malaysia* Disertasi Ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Keperluan Bagi Ijazah Sarjana (Secara Kursus Dan Penyelidikan)
- Maryani, (2020) *Strategi imam dalam meningkatkan kualitas dan kuantitas jama'ah DI Masjid Darussalam Desa Air Kemuning Kecamatan Sukaraja Kabupaten Seluma*. Other thesis, Iain Bengkulu.
- Norhana, M., Juliana, B., & Siti Noor, I. (2016). *Hubungan antara tahap kompetensi fungsional guru dengan pencapaian akademik pelajar di Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan*. *Proceeding of the INCECRS. Vol 1, No 1 (2016)*

- Nurma, A.A., Suhatmini, H., Irham. (2018). *The impact of quality of work life and job satisfaction on employee performance of Pt. Madubaru Pg-Ps Madukismo*. Agro Ekonomi, Vol 29, No 1, Juni 2018, Hal.146-159
- Habibah, R., & Zaharah, H. (2014). *Profesionalisme perguruan pendidikan Islam berdasarkan Riadhah Ruhyyah: Satu analisa keperluan*. The Online Journal Of Islamic Education, 2(1), 7-24.
- P.P. Siew Ching, & M. Nizam, N., (2019). *Hubungan antara kepuasan kerja dengan kualiti perkhidmatan dalaman staf Majlis Sukan Negeri-Negeri di Malaysia*. International Journal of Education, Psychology and Counseling Volume: 4 Issues: 32 [September, 2019] pp.119-129] eISSN: 0128-164X
- Paresh C Mohanty 1; Madhusmita Dash 2; Manoranjan Dash; Subhankar Das (2019). *A study on factors influencing training effectiveness*. Revista Espacios Vol. 40 (Number 2) Year 2019, Issn 0798 1015
- Piched Gridwichai, P., Anuchit Kulwanich, A., Piromkam, B., & Kwanmuangvanich, P. (2020). *Role of personality traits on employees job performance in pharmaceutical industry in Thailand*. Systematic Review Pharmacy, 11(3): 185-194.
- Rashidi, B. & Azmil, H. (2015). *Pelaksanaan aktiviti keagamaan dan hubungannya dengan penghayatan kerohanian anggota Tentera Malaysia*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 1(1), 2015 176-186, e-ISSN: 2289-960X 671
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2016). *“Research methods for business: A skill building approach”*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Siti Marziah, Z., Ruzaini, I., Wan Yusoff, W.S., Noor Hisham, M.N., Nur Azuki, Y., & See, S.Y. (2017). *Kepuasan kerjaya dan sokongan sosial sebagai indikator kepuasan hidup wanita bekerjaya pertengahan usia di Kelantan*. Conference: Melaka International Conference On Social Sciences 2017 (1st Melicoss’17) At: Holiday Inn, Malacca, Malaysia
- Solahuddin, A.H. & Che Zarrina, S., (2014). *Tuntutan bekerja dan kehidupan beragama berdasarkan perspektif Islam*. Jurnal kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Jan-Jun 2014, bil. 6, pp. 131-153 131
- Zafir, M.M., Mohd Hizam, H. & Fazilah M.H. (2013). *Pengurusan organisasi. Petaling Jaya: Cengage learning*.
- Zahimi, Z.A. (2017). *Keberkesanan program pengajian pegawai kadet di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) terhadap pembentukan karekter kepimpinan (leader of character)*. (Tidak Diterbitkan).
- Zeithaml, Bitner, and Gremler, (2006). *Service Marketing*. New York: McGraw-Hill Inc.